

PRAKTIS 3

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruangan jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) “Kami haruslah bekerjasama agar tugas ini dapat disiapkan secepat mungkin,” kata Norish kepada rakan-rakannya.

- (ii) “Tindakan tatatertib akan dikenakan terhadap mana-mana pekerja yang melanggar disiplin syarikat,” kata Encik Dani.

- (iii) Letchumi menangis bila mengetahui bahawa ayahnya terkorban dalam kemalangan jalan raya tersebut.

- (iv) Tukang masak itu tambah secubit garam ke dalam kari ayam yang sedang dimasaknya.

[8 markah]

PRAKTIS 4

*Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat **satu** kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruangan jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Beberapa orang pelajar-pelajar yang terlibat dalam kes ponteng sekolah telah dikenakan tindakan disiplin.

- (ii) Ah Fatt bukan tinggi orangnya, tetapi rendah.

- (iii) Baginda sultan telah mengarahkan laksamana dan tenteranya agar bersedia sebelum menghadapi peperangan.

- (iv) Jam tangan yang hilang itu sebenarnya ada dengan Iqwan.

[8 markah]